

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minut

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/1 © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT

Bahagian A

[30 markah]




[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah merupakan sebahagian daripada bangunan bersejarah di negara kita serta maklumat tentang kepentingan memelihara dan memuliharanya.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan memelihara dan memulihara** bangunan-bangunan bersejarah di negara kita. *Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Kepentingan Memelihara dan Memulihara Bangunan Bersejarah

- Sumber maklumat sejarah
- Tarikan pelancong
- Mengekalkan keunikan seni bina



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Akhlak yang terpuji amat penting dalam kehidupan.
Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.
- 2 Amalan pengambilan makanan segera dan makanan ringan kurang sesuai untuk kesihatan anak-anak yang sedang membesar. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Peranan ibu bapa dalam mengawal pengambilan makanan segera dan makanan ringan dalam kalangan anak-anak'.
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 3 Malaysia berhasrat untuk melahirkan rakyat berminda kelas pertama, iaitu rakyat yang berilmu, bersahsiah terpuji dan mempunyai daya saing yang tinggi.
Huraikan kebaikan-kebaikan yang diperoleh jika negara kita mempunyai rakyat berminda kelas pertama.
- 4 Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa membawa pelbagai kebaikan kepada negara penganjur.
Bincangkan.
- 5 Anda ingin menulis sebuah cerita yang bertemakan penghargaan terhadap jasa guru untuk dimuatkan dalam majalah sekolah.
Tulis cerita tersebut selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/2 © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan hutan bandar dan cara-cara mengekalkan hutan bandar**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kawasan bandar merupakan penyumbang utama pembebasan gas karbon dioksida yang menjadi punca utama pencemaran udara. Oleh itu, kewujudan hutan bandar penting bagi mengurangkan masalah ini. Hutan bandar merupakan tumbuh-tumbuhan yang sedia ada dan juga pokok-pokok yang ditanam *secara sistematik* di persekitaran bandar. Hutan bandar berperanan untuk menyediakan kawasan hijau yang berkualiti bagi mengimbangi binaan batu dan struktur lain yang mendominasi landskap bandar.

Hutan bandar berfungsi untuk mengurangkan kesan negatif akibat kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan bandar. Ketika ini, hutan bandar menjadi semakin relevan dan sangat berpotensi untuk mengurangkan masalah pencemaran udara. Di samping itu, masalah pemanasan global juga dapat dikurangkan melalui penghutan bandar. Pokok pinggir jalan yang ditanam pula dapat dijadikan peneduh daripada panas matahari. Namun demikian, pemilihan pokok yang sesuai perlu diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan. Umpamanya, penanaman pokok palma, walaupun cantik, tidak membawa banyak faedah sebagai peneduh kerana saiz kanopinya yang kecil berbanding dengan pokok-pokok besar yang lain. Begitu juga pokok angsa, walaupun rendah tetapi dahannya mudah patah dan membahayakan orang ramai.

Pada masa yang sama, pokok besar yang ditanam di sekitar bandar seperti *Khaya senegalensis* dan *Samanea saman* berfungsi untuk menyerap gas karbon dioksida di atmosfera. Karbon dioksida yang diserap berubah ke bentuk biojisim yang disimpan sebagai karbon sama ada di bahagian akar atau di bahagian batang, daun dan dahan. Peranan utama pokok yang menjadi penyumbang kepada perhutanan bandar adalah untuk mengurangkan masalah perubahan iklim. Hal ini demikian kerana pokok yang ada di sesuatu kawasan bandar dipercayai dapat memberikan sumbangan bukan sahaja di kawasan bandar tersebut bahkan di peringkat global. Oleh itu, hutan bandar sememangnya penting dalam melengkapkan ekosistem bandar.

Berbeza dengan hutan hujan tropika yang berfungsi untuk mengurangkan kerosakan tanah, menyediakan sumber makanan dan perlindungan kepada pelbagai jenis haiwan, hutan bandar pula dapat meminimumkan kerosakan akibat hakisan tanah. Hal ini disebabkan kewujudan hutan bandar sedikit sebanyak telah dapat menangani masalah kejadian tanah runtuh di kawasan bandar. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi menjamin pengekalan pokok besar yang sedia ada di kawasan bandar. Usaha ini penting demi meningkatkan kualiti udara di bandar di samping manfaatnya terhadap alam sekitar secara keseluruhan.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Hutan Bandar'
oleh Ahmad Azaruddin Mohd Noor dan Adnan Mohammad,
Dewan Kosmik, Jun 2011

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *secara sistematik*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa fungsi hutan hujan tropika.
Nyatakan fungsi-fungsi tersebut. [3 markah]
- (iii) Usaha-usaha memupuk semangat cinta akan hutan perlu bermula pada peringkat sekolah.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memupuk semangat tersebut? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Lebih baik daripada kau yang liar tu,” sambung Israk membela diri sekali gus menggelapkan lagi warna merah di jiwa Mikraj.

“Kalau abang kata saya liar, abang tu lagi liar. Akar hati abang ke sana ke mari mencari kesalahan orang. Pucuk hati abang pula menari tanda riak, ujub, sombong, berlagak!” Bom radang Ghaza dilepaskannya.

“Hii, mengapa gaduh-gaduh ni! Adik-beradik tidak manis bertikam lidah. Kata orang tua-tua carik-carik bulu ayam bercantum jua akhirnya. Tapi, kamu berdua ni bila nak bercantum?” Wah mula masuk campur.

Israk dan Mikraj terpelekan.

“Wah tahu, kamu berdua bertekak fasal Wah, bukan? Wah sedar siapa diri Wah. Wah tinggal di kampung, rumah buruk, tapi kamu tinggal di kediaman mewah. Setiap hari kamu lihat pencakar langit, tapi di sini cuma ada pokok yang mencakar langit. Kamu makan yang enak-enak, tapi di sini Wah hanya makan makanan tradisional, tak sedap pada kamu. Wah sedar Israk selesa dengan keadaan seperti itu. Wah tahu”

Wah memandang cucu-cucunya. Kuyu mata Wah, tetapi tentu kuyu lagi jiwa dan raganya.

Dipetik daripada cerpen ‘Israk’
oleh Erda Roslan Khairi
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan perbezaan-perbezaan kehidupan antara Wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh Israk dan Mikraj untuk meredakan perselisihan faham antara mereka? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Wah yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen itu. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan maka baginda pun bertanya, “Hai Indera Jenaka, manatah Si Piatu itu sekarang ini?”

Maka sembah Indera Jenaka itu, “Ya tuanku, adapun Si Piatu itu bukannya akan namanya benar dan namanya yang benar Indera Nata kerana sekalian mergastua yang di dalam hutan menyebut namanya Indera Nata. Arakian maka adalah Indera Nata itu sudahlah ia menyeberang lautan dibawa oleh lembur kehendaknya ke negeri Pattani, ya Tuanku Syah Alam. Adapun Indera Nata itu terlalu sekali beraninya dan beberapa ia bertemu dengan *mergastua yang buas-buas* itu pun tiada memberi bahaya akan dia dan jika tiada dengan Indera Nata itu nescaya matilah hamba dimakan oleh segala binatang. Maka hamba pun terlalu sekali hairan melihat kelakuannya itu kerana sangat ia berani dengan segala binatang itu adalah ia berkata-kata seperti ia berkata dengan manusia juga. Maka hamba pun terlalu takut melihat kelakuannya itu.”

Hatta maka raja pun hairan mendengar ceteranya Indera Nata itu, “Wah, anak siapakah gerangan itu maka terlalu ia sangat beraninya dan bijaksana itu!”

Dipetik daripada
‘Hikayat Indera Nata’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *mergastua yang buas-buas*. [2 markah]
- (ii) Apakah keistimewaan-keistimewaan Indera Nata? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda raja, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan Indera Nata berkhidmat dengan kerajaan anda? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dirgahayu Bahasaku

Tempatmu di singgahsana
hati nurani bangsaku
warga yang berbudi
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memilikimu
hak bangsaku mendaulatkanmu
di bumi bertuah ini
merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
gagah pelautku membelah lautan
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku
di arena antarabangsa suaramu tumbuh
menusuk kalbu lagu bahasamu
bahasamu bahasa minda
mudah akrab dan bertatasusila
daripada bangsa yang bernama Melayu
menempa kejayaan di alaf baru.

(September 2000)

Ahmad Sarju
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan **dua** kepentingan bahasa Melayu seperti yang digambarkan dalam sajak tersebut. [2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu dikenali pada peringkat antarabangsa? [3 *markah*]
- (iii) Selain persoalan kepentingan bahasa Melayu, jelaskan **dua** persoalan lagi yang terdapat dalam puisi tersebut. [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap **penjodoh bilangan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) bilah
- (ii) jambak
- (iii) keping
- (iv) pucuk
- (v) rawan
- (vi) utas

[6 markah]

(b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS).

- (i) Bunga mawar itu untuk cikgu saya sempena sambutan Hari Guru.
- (ii) Tuan Haji Ahmad pengetua di sekolah itu semenjak lima tahun lalu.
- (iii) Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dalam membela nasib rakyat.
- (iv) Blok asrama baharu untuk murid-murid lelaki masih dalam proses pembinaan.
- (v) Penyanyi tersohor itu sangat anggun dan bergaya ketika membuat persembahan.
- (vi) Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya telah menyediakan laporan aktiviti sempena Bulan Bahasa.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelaksanaan projek memperlebarkan jalan raya merupakan usaha pihak kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan luar bandar.
- (ii) Mesyuarat ahli jawatan kuasa sambutan Hari Koperasi Sekolah sedang berbincang aktiviti yang akan dilaksanakan pada hari tersebut.
- (iii) Pihak swasta turut bertanggungjawab untuk melaksanakan projek membangunkan di tempat-tempat rekreasi yang terdapat di negara kita.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerjasama di antara negara rantau ASEAN dalam bidang ekonomi haruslah diketatkan lagi.
- (ii) Ibu bapa tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka pada guru semata-mata.
- (iii) Penceramah terkenal yang dijemput khas itu telah membacakan ceramahnya dengan begitu berkesan sekali hingga ramai murid-murid menitiskan air mata.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Sengaja mencari susah atau bahaya.
- (ii) Sesuatu yang sudah pasti diperoleh atau dimiliki.
- (iii) Orang yang bodoh kalau ada kesungguhan mempelajari sesuatu lama-lama akan pandai juga.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Tulis **sinopsis** sebuah novel yang telah anda pelajari. [7 markah]

(b) Pengarang mewujudkan peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan teladan oleh pembaca. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga peristiwa** yang dapat dijadikan teladan. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT